

# Takziah PM pada keluarga nahas

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan takziah kepada keluarga kedua korban nahas udara di Janda Baik, 50 kilometer dari sini, pagi semalam.

Belliau juga bersyukur kepada Allah kerana dengan limpah dan takdir-Nya, Menteri Hal-ehwal Luar Negeri, Tan Sri Ghazali yang sama-sama di atas pesawat tersebut terselamat.

Perdana Menteri bersama isterinya, Datin Seri Siti Hasmah, menziarahi Tan Sri Ghazali di Hospital Besar di sini lewat petang ini.

Di Janda Baik, salah seorang doktor yang memberi rawatan segera kepada Tan Sri Ghazali Shafie sebaik sahaja dijumpai, Dr. Di Di Hendra, berkata, tidak terdapat sebarang tanda-tanda yang membimbangkan ke atas Menteri Hal-ehwal Luar itu.

"Tidak ada kelihatan bengkak atau sebagainya kepada Tan Sri Ghazali", katanya ketika ditemui di padang Sekolah Rendah Kebangsaan Janda Baik, sebelum Tan Sri Ghazali berlepas ke Hospital Besar Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, tangan kanan Tan Sri Ghazali didapati berbalut dengan plastik.

Belliau berkata, pemeriksaan rapi terhadap tangan Tan Sri Ghazali masih belum dijalankan.